

BIBLIOGRAFI

Tun Hussein Onn

- 5 JAN 2005

NASKAH PEMILIHAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 1155723

Perpustakaan Negara Malaysia
Kuala Lumpur
2004

Cetakan Pertama 2004

© Perpustakaan Negara Malaysia, 2004

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Perpustakaan Negara Malaysia

232 Jalan Tun Razak

50572 Kuala Lumpur

Tel : 03-26871700

Faks : 03-26929767

Laman web : <http://www.pnm.my/>



Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Bibliografi Tun Hussein Onn

ISBN 967-931-155-4

ISBN 967-931-156-2 (kkt.)

1. Hussein Onn, Tun, 1922-1990--Bibliography.
2. Prime ministers--Malaysia--Bibliography. 3. Malaysia--Politics and government--Bibliography. I. Perpustakaan Negara Malaysia. 016.9232595

KANDUNGAN

Perutusan Menteri Pelajaran	v
Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran	vi
Kata Pengantar Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia	vii
Prakata	ix
Ahli Jawatankuasa	xi
Biografi Ringkas	xiii
Monograf	1
Artikel Majalah	11
Artikel Suratkhobar	19
Foto	63
Sumber Media	85
Laman Web	91



KATA-KATA ALUAN
MENTERI PELAJARAN MALAYSIA



Tahniah kepada Perpustakaan Negara Malaysia di atas kejayaan menerbitkan *Bibliografi Tun Hussein Onn*. Inisiatif murni ini amat dihargai dalam usaha merakamkan sumber maklumat dari pelbagai hasil penulisan berkaitan Y.A.Bhg. Tun Hussein Onn selama beliau menerajui pemerintahan negara.

Y.A.Bhg. Tun Hussein Onn merupakan Perdana Menteri Malaysia yang ke-3, dan telah memimpin negara sejak dari tahun 1976 hingga 1981. Beliau dilantik sebagai Perdana Menteri selepas kematian Y.A.Bhg. Tun Abdul Razak kembali ke Rahmatullah. Semasa menerajui pemerintahan negara, Y.A.Bhg. Tun amat menekankan isu-isu berkaitan perpaduan melalui polisi dan dasar yang menjurus ke arah matlamat mengimbangi kedudukan ekonomi antara kaum. Beliau turut memberi perhatian serius terhadap konsep Rukun Tetangga dan usaha-usaha memerangi gejala dadah.

Kerajaan sentiasa berusaha merapatkan jurang ekonomi antara kaum demi menjamin kestabilan dan perpaduan kaum seperti yang ditekankan dalam Dasar Ekonomi Baru dan yang dihasratkan oleh Y.A.Bhg. Tun Hussein Onn. Maka dengan terhasilnya Bibliografi ini, saya berharap ia bukan sahaja memberi manfaat kepada para penyelidik malah kepada seluruh anggota masyarakat dari pelbagai taraf sosio ekonomi dan kaum.

Saya berharap pengalaman Y.A.Bhg. Tun Hussein Onn dalam menangani isu perpaduan dan jurang ekonomi antara kaum yang tercatat dalam Bibliografi ini akan memberi kesedaran dan kefahaman kepada rakyat Malaysia khususnya generasi muda, mengenai hasil perjuangan, usaha dan visi beliau dalam memastikan rakyat tidak terpinggir dalam pembangunan negara.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Bibliografi ini.

Dato' Hishammuddin Tun Hussein



PERUTUSAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Perpustakaan Negara Malaysia di atas usaha dan inisiatif menerbitkan *Bibliografi Tun Hussein Onn* yang akan memberi faedah yang besar kepada para penyelidik mengesan sumber-sumber maklumat tentang Y.A.Bhg. Tun Hussein Onn, Perdana Menteri ketiga.

Y.A.Bhg. Tun Hussein Onn adalah seorang negarawan yang banyak memberi sumbangan kepada perjuangan kemerdekaan, membina UMNO dan mengisi kemerdekaan. Oleh itu, amat wajar bagi Perpustakaan Negara Malaysia berusaha menerbitkan bibliografi ini supaya rakyat Malaysia dapat mengesan dan membaca kisah perjuangan dan sumbangan negarawan kita. Dengan demikian rakyat tidak memandang ringan keamanan dan kesejahteraan negara yang dikecapi masa kini, sebaliknya harus menjaganya supaya berkekalan. Dengan demikian kesedaran peri pentingnya memupuk dan menjaga perpaduan dan nilai-nilai murni di antara kaum serta mewujudkan taraf ekonomi yang seimbang adalah menjadi tanggungjawab semua lapisan masyarakat demi pembangunan negara dapat dipertingkatkan. Rakyat harus sentiasa mengingati dan mengenang jasa pemimpin-pemimpin negara untuk mengekalkan keharmonian yang ada sekarang.

Melalui bibliografi ini juga, proses mendapatkan sumber maklumat berkaitan Y.A.Bhg. Tun Hussein Onn dari himpunan penulisan dapat dipermudahkan dan sekali gus mengalakkan rujukan, penyelidikan dan penggunaan sumber-sumber rujukan tersebut.

Usaha Perpustakaan Negara Malaysia menerbitkan *Bibliografi Tun Hussein Onn* dan bibliografi lain yang seumpamanya seharusnya diteruskan melalui pengemaskinian maklumat dari semasa ke semasa bagi memudahkan rujukan dan penyelidikan generasi kini dan akan datang.

Dato' Haji Ambrin Bin Buang